

UniMAP Universiti Awam Pertama Miliki Panel Solar 1.0 MW

Arau, 10 Februari – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menjadi universiti awam (UA) pertama di Malaysia yang menerima kuota tariff pemasangan panel solar dengan kapasiti 1.0 megawatt di salah sebuah bangunan di kampus tetapnya di Pauh Putra.

Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin berkata, projek tersebut yang dijalankan dengan kerjasama GetSol Sdn. Bhd. (GetSol) amat besar maknanya buat beliau secara peribadi dan UniMAP keseluruhannya selepas melalui beberapa proses dan prosedur yang panjang.

Ujar beliau, menerusi pemasangan tersebut, tenaga yang dihasilkan akan dikumpul dan dijual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) berdasarkan konsep *Feed In Tariff* yang mana ia merupakan sebahagian inisiatif UniMAP menjana pendapatan sendiri selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia.

Selain itu, jelas beliau pemasangan solar panel itu juga membuka peluang kepada pelajar untuk meneroka dengan lebih mendalam teknologi tenaga boleh diperbaharui (renewable energy) sekaligus membolehkan kaedah pembelajaran amali dipraktikkan.

“Terlalu banyak suka duka yang telah kami tempuhi dalam menjadikan UniMAP sebagai UA pertama yang diberikan kuota ini yang diterima pada 12 Mac tahun lalu yang mana hari ini, pemasangan panel ini telah mencapai tahap 80 peratus siap.

“Ia sekaligus, menjadi projek terakhir saya sebagai Naib Canselor UniMAP yang berakhir hari ini,” ujar beliau ketika berucap di majlis Pra-Pelancaran Panel Solar di Bangunan Univation di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif GetSol, Todd Morath; Pengarah Urusan GetSol, Dr. Gabriel Peter Salgo; Ketua Pegawai Eksekutif UniMAP Holdings Sdn. Bhd. Baharuddin Abdul Majid dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP, Datuk Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Projek pemasangan panel solar tersebut merupakan inisiatif UniMAP dalam penjanaaan kewangan melalui sewaan tapak (bumbung bangunan) selama 21 tahun

serta tambahan melalui kontrak penyelenggaraan yang diberikan kepada UniMAP Holdings.

Menurut Dr. Kamarudin lagi, pihak Getsol turut memperuntukkan satu sistem solar bagi tujuan akademik dan penyelidikan yang bakal membolehkan UniMAP menawarkan kursus “hands on training’ dan sijil dengan kerjasama CIDB bagi program “Certified Solar Installer” dan “Solar Maintenance”.

“Secara tidak langsung ia membuka peluang kepada UniMAP menjadi Pusat Kecemerlangan Tenag Boleh Diperbaharui sekaligus menjadikan tapak projek ini sebagai menjadi showcase bagi pelawat dan industri ke arah inisiatif memperkenalkan Kampus UniMAP Pauh Putra sebagai Kampus Alam.

“UniMAP dan GetSol juga sedang merangka untuk mendapatkan kuota tariff yang lebih besar di masa akan datang,” ujarnya lagi.

Dalam pada itu, Dr. Gabriel berkata, pemilihan UniMAP dibuat selepas melihat inisiatif dan kesungguhan Naib Canselornya dalam mempratikkan amalan kampus hijau di UniMAP termasuk penglibatan aktif beliau sejak awal perbincangan lagi.

-- Unit Media UniMAP --